

PERUNDANGAN

Syor tubuh badan profesional perkasa peguam syarie

Peguam ialah individu yang profesionnya mengemukakan tuntutan di mahkamah, memberi nasihat atau bantuan guaman kepada pelanggan. Peguam di Mahkamah Syariah dibezakan dengan peguam di Mahkamah Awam (peguambela & peguamcara) dengan penambahan perkaatan Syarie atau Syariah pada hujung perkataan.

Peguam syarie didefinisikan sebagai seorang peguam yang mewakili anak guanya dalam kes bidang kuasa Mahkamah Syariah seperti harta pusaka, jenayah dan wasiat. Dalam surah Al-Kahfi menceritakan kisah Nabi Yusuf AS menawarkan diri kepada raja untuk mentadbir dan menjaga perbendaharaan negara Mesir kerana Baginda mempunyai keahlian dan kepakaran dalam bidang berkenaan. Ia antara dalil untuk penyariatian guaman syarie.

Peguam syarie tertakluk di bawah bidang pentadbiran kerajaan negeri-negeri di Malaysia. Ia meliputi pelbagai perkara termasuk lantikan, kawalan dan tata tertib bagi seorang peguam.

Penggubalan kaedah atau peraturan lebih khusus

Pihak berkuasa agama negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri diberi kuasa menggubal Enakmen Pentadbiran Agama Islam sebagai asas dalam pentadbiran undang-undang Islam. Melalui enakmen ini juga, penggubalan kaedah atau peraturan bagi peguam syarie dilakukan secara lebih khusus dengan skop fokus seperti prosedur pelantikan, kod etika, syarat serta kelayakan, jawatankuasa pelantikan dan sebagainya. Statut memainkan peranan penting sebagai panduan dan rujukan kerana ia membatinkan pelbagai perkara mengenai peguam syarie dari pelbagai aspek.



Peguam syarie berperanan dalam menyelesaikan kes syariah membabitkan harta pusaka, jenayah dan wasiat. (GAMBAR HIASAN)

Isu paling pokok melanda peguam syarie hari ini ialah ketidakseragaman dalam pentadbiran. Pentadbiran ini terletak di bawah bidang kuasa berasingan walaupun wujud usaha penyesuaian seperti amalan institusi guaman sivil yang terletak di bawah satu pentadbiran iaitu Akta Profession Undang-Undang 1976. Kedudukan mereka tampak terhad dan ia memerlukan kepada penubuhan badan profesional.

Melihat kepada situasi ini, isu penyeragaman agak sukar direalisasikan atas dasar sistem pentadbiran negara menetapkan bahawa hal-hal keagamaan dan adat adalah pada bidang kuasa negeri-negeri. Namun ia dilihat tidak mustahil seperti penyeragaman yang dilakukan pada Kanun Tanah Negara (1965) walaupun kuasa dan hal ehwal pentadbiran tanah terletak di bawah kerajaan negeri.

Selain itu isu yang mendapat perhatian ialah pengaplikasian dan keperluan Sijil Amalan Peguam Syarie yang tidak menyeluruh serta berbeza antara satu sama lain di setiap negeri berkaitan. Bagi tujuan kehadiran di mahkamah negeri, setiap pe-

“**Pengaplikasian dan keperluan Sijil Amalan Peguam Syarie yang tidak menyeluruh serta berbeza antara satu sama lain di setiap negeri berkaitan**”

guam syarie perlu memiliki sijil negeri bagi tujuan kelayakan untuk beramal di negeri-negeri berkenaan.

Aplikasi Sijil Guaman berbeza
Aplikasi Sijil Guaman bagi seorang peguam syarie dengan peguam sivil adalah berbeza dimana Sijil Peguam Syarie bersifat tidak menyeluruh ke seluruh negeri di Malaysia, manakala sijil amalan peguam sivil bersifat sebaliknya.

Tambahan lagi, jawatankuasa tidak mempunyai apa-apa bidang kuasa untuk membuat audit akaun secara tahunan ke atas sebuah firma guaman. Ini berlaku pada situasi sebaliknya, yang mana Majlis Peguam mempunyai bidang kuasa yang dikhaskan ke atas peguam sivil dan firma guaman sivil berdasarkan peruntukan Akta 1976. Jawatankuasa hanya mempunyai bidang kuasa

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bharian.com.my

terhad terhadap peguam syarie sahaja dan ini adalah berdasarkan peruntukan yang ada pada kaedah negeri-negeri.

Majlis Peguam mempunyai tanggungjawab dan kuasa meneliti serta menyemak akaun firma guaman sivil. Ini berdasarkan peruntukan di bawah Kaedah Laporan Akaun 1990.

Justeru, penulis mencadangkan agar Majlis Peguam mewujudkan majlis atau badan profesional yang bertindak sebagai badan yang mengawal selia profesion guaman syarie, dengan harapan profesionalisme dapat dipertingkatkan dan taraf kepeguaman syarie di Malaysia diangkat setara seperti bidang profesional lain. Melalui penubuhan badan profesional juga, kedudukan peguam syarie akan lebih baik seperti mereka yang berada dalam arena guaman sivil.

Hilmi Halim dan Mursyid Junaidi
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia